



Rujukan kami : JPK 1/2/4 JLD.11 (20)

Tarikh : 29 Jun 2015

## Semua Pengurus

### Pusat Bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

## SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BIL. 2/2015

### Garis Panduan Penetapan Peratusan Masa Aktiviti Pembelajaran Dan Penilaian Dalam Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)

Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) yang mula diperkenalkan pada tahun 1993 adalah berteraskan kepada Latihan Berasaskan Keterampilan (*Competency Based Training (CBT)*) dan memenuhi keperluan NOSS di mana pelatih dipersijilkan selepas dinilai sebagai "Terampil". Selaras dengan tuntutan semasa, SPKM sedia ada telah ditambahbaik dengan menggunakan Kredit Kemahiran di mana pencapaian pelatih akan diberikan nilai kredit dan gred bagi memperjelaskan status keterampilan yang telah dicapai berasaskan penggunaan NOSS format baharu.

2. Surat pekeliling ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan Garis Panduan Penetapan Peratusan Masa Aktiviti Pembelajaran Dan Penilaian Dalam SPKM yang dikeluarkan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran dan merangkumi asas dan julat penetapan peratusan masa, penetapan julat peratusan masa bagi setiap unit kompetensi (CU) serta tanggungjawab Penyedia Latihan Kemahiran/Pusat Bertauliah.

3. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran Bil. 2/2015 berkaitan Garis Panduan Penetapan Peratusan Masa Aktiviti Pembelajaran Dan Penilaian Dalam SPKM ini berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2015**.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

***"Pekerja Sihat Produktiviti Meningkatkan"***



**( DATUK DR. PANG CHAU LEONG )**

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran  
Jabatan Pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia

s.k. Semua Pengarah Bahagian  
Jabatan Pembangunan Kemahiran

JPK 1/2/4 JLD.11 ( 20 )



**GARIS PANDUAN  
PENETAPAN PERATURAN MASA AKTIVITI PEMBELAJARAN DAN  
PENILAIAN DALAM SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA  
(SPKM)**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
MALAYSIA  
2015**

**GARIS PANDUAN PENETAPAN PERATURAN MASA AKTIVITI  
PEMBELAJARAN DAN PENILAIAN DALAM SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN  
MALAYSIA (SPKM)**

**ISI KANDUNGAN**

<b>SENARAI KEPENDEKAN.....</b>	<b>3</b>
<b>TAFSIRAN.....</b>	<b>4</b>
<b>1. TUJUAN.....</b>	<b>5</b>
<b>2. LATAR BELAKANG.....</b>	<b>5</b>
<b>3. MEKANISME PELAKSANAAN.....</b>	<b>5</b>
<b>4. TARIKH KUATKUASA.....</b>	<b>8</b>

## SENARAI KEPENDEKAN

CU	<i>Competency Unit</i>
CoCU	<i>Curriculum of Competency Unit</i>
DKM	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
LI	Latihan Industri
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
NOSS	<i>National Occupational Skills Standard</i>
PB	Pusat Bertauliah
PLK	Penyedia Latihan Kemahiran
PV-N	Pegawai Verifikasi Nilai
SLDN	Sistem Latihan Dual Nasional
SPKM	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia

## TAFSIRAN

**“Aktiviti Pembelajaran”** ertinya pembelajaran terpandu/bersemuka dan pembelajaran sendiri

**“Aktiviti terpandu/ bersemuka”** ertinya aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan secara bersemuka di antara pelatih dan Pegawai Penilai yang merangkumi aktiviti di dalam kelas (pembelajaran teori) dan bengkel (pembelajaran amali).

**“Penilaian”** ertinya penilaian ke atas pelatih yang merangkumi penilaian berterusan dan penilaian akhir

**“Pembelajaran Kendiri”** ertinya pembelajaran tanpa pengawasan daripada pengajar seperti ulangkaji, tugas dan penulisan laporan

**“unit kompetensi (CU)”** ertinya satu fungsi kerja utama bagi sesuatu bidang pekerjaan. Setiap CU mengandungi beberapa aktiviti/tugasan bagi melengkapkan fungsi kerja utama yang boleh dinilai dan dipersijilkan secara berasingan

**“Program Persijilan Tahap Tunggal (*Single-Tier*)”** ertinya suatu kaedah persijilan yang melibatkan pelaksanaan kombinasi dua (2) atau lebih program latihan kemahiran sehingga tahap persijilan yang tertinggi dalam laluan program tersebut.

**“Program Modular”** ertinya program yang terdiri daripada satu atau gabungan beberapa CU yang boleh membawa kepada penganugerahan Penyata Pencapaian (PC)

## 1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan kaedah penetapan peratusan masa bagi Aktiviti Pembelajaran dan Penilaian kepada semua Pusat Bertauliah (PB) serta dibaca bersama dengan Panduan Pelaksanaan SPKM Berasaskan Kredit Kemahiran Bagi Sistem Pentauliah & Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).

## 2. LATAR BELAKANG

SPKM yang mula diperkenalkan pada tahun 1993 adalah berteraskan kepada Latihan Berasaskan Keterampilan (*Competency Based Training (CBT)*) dan memenuhi keperluan NOSS di mana pelatih dipersijilkan selepas dinilai sebagai "Terampil". Selaras dengan tuntutan semasa, SPKM sedia ada telah ditambahbaik dengan menggunakan Kredit Kemahiran di mana pencapaian pelatih akan diberikan nilai kredit dan gred bagi memperjelaskan status keterampilan yang telah dicapai. Kredit Kemahiran didefinisikan sebagai jam *notional* yang berasaskan jumlah jam purata yang diambil oleh individu bagi mencapai suatu hasil pembelajaran yang lengkap dan terampil merangkumi aktiviti pembelajaran dan penilaian. Aktiviti pembelajaran ini mengambil kira aktiviti terpandu/ bersemuka dan aktiviti sendiri/ pembelajaran persendirian untuk setiap CU yang dinyatakan dalam CoCU. Manakala aktiviti penilaian melibatkan penilaian berterusan dan penilaian akhir. Aktiviti terpandu/ bersemuka yang dimaksudkan adalah seperti pembelajaran pengetahuan, latihan prestasi di bengkel atau di makmal, penyediaan projek dan latihan industri. Aktiviti pembelajaran sendiri adalah seperti pembacaan, tugas, penulisan laporan dan persediaan untuk penilaian. Keperluan penetapan peratusan masa ini adalah untuk menyelaraskan pelaksanaan aktiviti pembelajaran dan penilaian di semua Pusat Bertauliah.

## 3. MEKANISME PELAKSANAAN

Mekanisme pelaksanaan adalah merangkumi perkara-perkara seperti asas dan julat penetapan peratusan masa; penetapan julat peratusan masa bagi setiap CU; dan tanggungjawab PLK/PB.

### 3.1 Asas dan Julat Penetapan Peratusan Masa

Perkara yang diambil kira semasa Penetapan Peratusan Masa Aktiviti Pembelajaran dan penilaian adalah seperti berikut:

- i) Tempoh latihan mengikut tahap seperti **Jadual 1**.
- ii) Bagi NOSS yang mempunyai tempoh latihan selain daripada **Jadual 1**, hendaklah merujuk kepada ketetapan berikut:
  - a) NOSS yang mempunyai tempoh latihan yang kurang daripada tempoh latihan yang ditetapkan bagi tahap tersebut, hendaklah menggunakan pakai tempoh latihan minima.

- b) NOSS yang mempunyai tempoh latihan yang melebihi daripada tempoh latihan yang ditetapkan bagi tahap tersebut, hendaklah mengguna pakai tempoh latihan maksima.

**Jadual 1:** Tempoh latihan mengikut tahap

TAHAP	TEMPOH LATIHAN (JAM)
L1 sahaja	400 ~ 600
L2 sahaja	400 ~ 600
L3 sahaja	800 ~ 1200
L2 (bagi NOSS yang bermula dengan Tahap 2)	800 ~ 1200
L3 (bagi NOSS yang bermula dengan Tahap 3)	1600 ~ 2400
DKM sahaja	800 ~ 1200 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri (LI)
DKM (bagi NOSS yang bermula dengan Tahap 4)	2400 ~ 3600 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan LI
DLKM sahaja	1200 ~ 1800 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan LI
DLKM (bagi NOSS yang bermula dengan Tahap 5)	3600 ~ 5400 (merangkumi Projek Akhir) + 6 bulan LI

### 3.2 Penetapan Julat Peratusan Masa Bagi Setiap CU.

3.2.1 PB hendaklah mematuhi penetapan julat peratusan masa yang ditetapkan seperti **Jadual 2** dalam pelaksanaan SPKM. Penetapan julat peratusan masa hendaklah:

- i. Julat peratusan yang digunakan adalah berdasarkan kepada masa yang ditetapkan dalam CU.
- ii. Jumlah julat peratusan tempoh pembelajaran hendaklah bersamaan 100% apabila ketiga-tiga komponen dijumlahkan (bersemuka + penilaian + sendiri = 100%). Contoh pengiraan bagi penetapan masa aktiviti pembelajaran dan penilaian adalah seperti **Jadual 3**.

**Jadual 2:** Julat Peratusan Masa Pembelajaran Bersemuka, Pembelajaran Kendiri Dan Penilaian

TAHAP	BERSEMUKA	KENDIRI	PENILAIAN	JUMLAH KESELURUHAN (%) (Bersemuka + Penilaian + Kendiri)
1	60 – 95	0 – 20	5 – 20	100
2	60 – 95	0 – 20	5 – 20	100
3	60 – 90	5 – 25	5 – 15	100
4	35 - 60	10 - 50	10 - 30	100
5	35 - 50	10 - 60	10 - 30	100

**Jadual 3:** Contoh Pengiraan Bagi Penetapan Masa Aktiviti Pembelajaran dan Penilaian:

**TAHAP 1**

Kod CU	Jumlah Jam (Y)	Pecahan Masa (%)				Pecahan Masa (Jam)		
		Bersemuka	Kendiri	Penilaian	Jumlah	Bersemuka	Kendiri	Penilaian
		(A)	(B)	(C)		(A/100 x Y)	(B/100 x Y)	(C/100 x Y)
C01	50	65	15	20	100	32.5	7.5	10
C02	100	70	10	20	100	70	10	20
C03	100	80	10	10	100	80	10	10
C04	150	95	0	5	100	142.5	0	7.5
E01		-						

3.2.2 Program Persijilan Tahap Tunggal (*Single-Tier*)

Bagi program persijilan tahap tunggal (*Single-Tier*), penetapan peratusan masa aktiviti pembelajaran dan penilaian adalah merujuk kepada tahap bagi CU yang diambil di dalam kumpulan program bertauliah (band).

3.2.3 Program Modular

Bagi program modular, penetapan peratusan masa aktiviti pembelajaran dan penilaian adalah merujuk kepada tahap bagi CU yang diambil.

3.2.4 Bagi Program Tahap 4 dan 5, tempoh latihan seperti di **Jadual 1** adalah merangkumi **projek akhir**. Penetapan peratusan masa untuk projek akhir adalah sama bagi semua program seperti di **Jadual 4**. Jumlah jam pembelajaran dan penilaian bagi projek akhir adalah 300 jam.

**Jadual 4:** Peratusan Masa Projek Akhir

PERKARA	JAM	PERATUSAN (%)
BERSEMUKA	60	20
PENILAIAN		
KENDIRI	240	80

### 3.3 Tanggungjawab PLK ATAU PB

PLK/ PB hendaklah mengemukakan jadual pelaksanaan latihan beserta perincian penetapan peratusan masa bagi setiap CU seperti di **Lampiran 1** semasa:

- i. permohonan pentauliahan baharu;
- ii. permohonan pentauliahan penambahan program;
- iii. permohonan pembaharuan pentauliahan program;
- iv. lawatan penilaian pentauliahan;
- v. lawatan verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL)/Pegawai Verifikasi Nilai (PV-N); dan
- vi. lawatan pemantauan.

3.4 PB yang telah mendapat pentauliahan bagi program NOSS baharu dibenarkan melaksanakan latihan sedia ada sebagaimana yang telah diluluskan. PB perlu mematuhi penetapan peratusan masa seperti di **Jadual 2** apabila membuat pembaharuan pentauliahan.

3.5 Penetapan julat peratusan masa bagi pembelajaran bersemuka, pembelajaran sendiri dan penilaian ini adalah **tidak tertakluk** bagi penggunaan **NOSS format lama** dan pelaksanaan program latihan secara **e-training**.

### 4. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan penetapan peratusan masa bagi aktiviti pembelajaran dan penilaian bagi setiap CU dalam SPKM ini mula berkuatkuasa bagi permohonan pentauliahan yang dikemukakan mulai **01 Oktober 2015**.

**Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran  
Jabatan Pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia**

*29* Jun 2015